

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 MARCH 2015

# Misi pencarian diteruskan

» *Najib gesa rakyat bersatu peringati 239 penumpang, kru pesawat MH370 hilang*

Oleh Veena Rusli, Magendran Rajagopal, Mohd Azrone Sarabatin, Zanariah Abd Mutalib, Sophia Ahmad, Suhaila Shahrul Anuar, Luqman Arif Abdul Karim, Nurul Fhatihah Zakinan dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**M**alaysia komited untuk meneruskan misi pencarian pesawat MH370 dan berharap ia akan membawa kejayaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, menerusi keijrasa pelbagai negara, pasukan mencari yang diketuai Australia berusaha menjejaki pesawat itu menggunakan petunjuk terhad.

"Malaysia menggembeng tenaga dan aset pelbagai pasukan antarabangsa untuk mencari pesawat MH370 dan kita tidak akan melupakan jasa mereka yang menyalurkan segala pertolongan sepanjang misi ini.

"Terima kasih kepada semua petugas yang tidak pernah putus asa mencari lokasi terakhir pesawat ini," katanya dalam kenyataan sempena ulang tahun MH370, semalam.

Sukar gambar

kesengsaraan waris

Menyelami perasaan waris mangsa MH370, Najib berkata, sukar untuk menggambarkan kesengsaraan mereka kerana berdepan hakikat tiada bukti diperolehi setakat ini mengenai serpihan pesawat itu.

"Insiden seperti MH370 ini

BH-9/3/2015



Najib Razak

tidak pernah berlaku dalam sejarah industri penerbangan dunia, malah skala misi pencarian di selatan Lautan Hindi ketika ini adalah yang terbesar pernah dilaksana.

"Misi yang pernah melibatkan 26 negara sebelum ini adalah paling rumit kerana kita terpaksa menempuh pelbagai cabaran, khususnya aspek teknikalnya.

Sehubungan itu, katanya, semalam rakyat bersatu bagi memperingati 239 penum-

pang dan kru termasuk 50 warga Malaysia yang berada di dalam pesawat MH370 pada 8 Mac tahun lalu.

Katanya, doa dan ingatan akan sentiasa mengiringi kehidupan waris mangsa kerana kesengsaraan mereka turut dikongsi seluruh masyarakat dunia.

Pada 8 Mac tahun lalu, Penerbangan MH370 bersama 227 penumpang dan 12 anak kapai, hilang daripada imbasan radar ketika terbang di ruang udara Laut China Selatan, kurang setengah jam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 12.41 pagi. Pesawat Boeing 777-200ER itu dijadualkan mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari sama.

Setakat ini, operasi mencari di Lautan Hindi, tempat ia dipercayai hilang meliputi kira-kira 40 peratus daripada kawasan pencarian 60,000 kilometer (km) persegi, manakala kira-kira 208,000km persegi lautan itu dibuat pemetaan.